



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SIARAN AKHBAR

**MAJLIS MEMPERINGATI NUZUL AL-QURAN DAN
PENYAMPAIAN DERMA KEPADA ANAK-ANAK YATIM SERTA
PENGUMUMAN KEPUTUSAN BAGI PERTANDINGAN MEMBACA
AYAT-AYAT SUCI AL-QURAN BAGI KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
SERTA JABATAN-JABATAN DI DALAMNYA TAHUN 1447H/2026M**

Hari Rabu, 21 Ramadhan 1447H / 11 Mac 2026M

Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengadakan Majlis Memperingati Nuzul Al-Quran dan Penyampaian Derma kepada Anak-Anak Yatim serta Pengumuman Keputusan Pertandingan Membaca Ayat-Ayat Suci Al-Quran pada Tahun 1447H/2026M pada hari Rabu, 21 Ramadhan 1447H bersamaan 11 Mac 2026M bertempat di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Commonwealth Drive, Negara Brunei Darussalam.

Hadir selaku Tetamu Kehormat pada majlis berkenaan ialah Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi). Turut hadir ialah Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha-Setiausaha Tetap, Pengarah Urusan Brunei Darussalam Central Bank, Timbalan Setiausaha Tetap, Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei, Ketua-Ketua Jabatan dan Bahagian, Pegawai-Pegawai Kanan, Pegawai dan Kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta Jabatan-Jabatan di dalamnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diteruskan dengan penyampaian Ceramah Khas bertajuk "Mengukuhkan Pembelajaran Al-Quran Dan Menghayati Ajarannya" yang disampaikan oleh Yang Mulia Ustaz Awang Haji Muskrisman Safari bin Haji Mustapa, Pegawai Perkembangan Ugama, Penolong Ketua Bahagian Pengembangan Dakwah (Pengislaman). Majlis kemudiannya diselajurkan dengan penyampaian derma kepada 19 orang anak-anak yatim.

Majlis turut disusuli dengan penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang Qari dan Qariah bagi Pertandingan Membaca Ayat-Ayat Suci Al-Quran, yang mana sesi saringan telah diadakan pada 12 Februari 2026 yang lalu.

Bagi kategori Qari, Johan disandang oleh Yang Mulia Awang Mohammad Hazwan Hanif bin Haji Junaidi wakil daripada Tabung Amanah Pekerja. Naib Johan disandang oleh Yang Mulia Pengiran Muhammad Zul Iskandar bin Pengiran Zulkifli, wakil daripada Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, manakala tempat ketiga disandang oleh Yang Mulia Awang Muhammad Farid bin Haji Redawan, wakil daripada Agensi Pelaburan Brunei.

Bagi kategori Qariah, Johan disandang oleh Yang Mulia Dayang Aqilah binti Haji Hassan, wakil daripada Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik. Naib Johan disandang oleh Yang Mulia Dayang Shobrina binti Suili wakil daripada Bahagian Perdagangan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, manakala tempat ketiga disandang oleh Yang Mulia Dayang Nurul Aziemah binti Hamidon @ Prescilla Pete Bidom Nandu wakil daripada Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik.

Majlis seumpama ini merupakan salah satu tahunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta Jabatan-Jabatan di dalamnya, yang bertujuan untuk menggalakkan pembacaan ayat-ayat Suci Al-Quran di samping mengetengahkan bakat-bakat dalam kalangan pegawai dan kakitangan.

Pada tahun ini, majlis tersebut telah diungkayahkan oleh Tabung Amanah Pekerja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

-TAMAT-

Disediakan oleh:

Bahagian Pembangunan Sumber Manusia dan Hal Ehwal Korporat
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam

Emel: pr@mofe.gov.bn

Rujukan: KKW/ADM/15 & KKW/ADM/17

Tarikh: 21 Ramadhan 1447H
11 Mac 2026